

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : IR SHAHRUDDIN BIN ISMAIL (KANGAR)**

**SOALAN : 25**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah anggaran kos perbelanjaan bagi pemasangan kamera AES di sepuluh kawasan yang berisiko tinggi kemalangan di negeri Perlis dan adakah Kerajaan akan turut mempertimbangkan untuk menggunakan teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam melakukan pemantauan di jalan raya bagi meninjau lokasi kemalangan, khususnya di kawasan pedalaman untuk mendapatkan maklumat awal.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pemasangan kamera *Automated Enforcement System* (AES) atau nama barunya *Automated Awareness System* (AwaS) hanya dipasang di 14 lokasi sedia ada iaitu di Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Perak. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengkaji semula lokasi untuk pemasangan 1093 kamera AES di seluruh negara termasuk di Negeri Perlis berdasarkan kriteria-kriteria yang lebih terperinci serta menggunakan data kemalangan yang terkini. Lokasi pemasangan kamera hanya akan dapat dinyatakan apabila penentuan ini selesai dijalankan.

Bagi cadangan penggunaan teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV), setakat ini pihak Kerajaan tiada perancangan untuk menggunakan teknologi ini. Perkara ini perlu kajian yang menyeluruh dan terperinci dalam pelbagai aspek bagi memastikan teknologi ini sesuai sebelum ia dapat dilaksanakan di negara ini.